

Kosmo 1/10/2020 m/s 9

# Gagal seludup 1,978 burung dilindungi

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 1,978 ekor burung membabitkan 16 spesies yang dilindungi bernilai RM279,960 dirampas pihak berkuasa dalam Ops Khazanah di ibu negara dan Johor pada Januari sehingga September lalu.

Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah, Senior Asisten Komisioner Muhammad Abdul Halim berkata, dalam operasi itu, pihaknya menahan seramai tiga lelaki warga tempatan berusia 27 hingga 49 tahun.

“Antara spesies yang dirampas ialah burung daun, mas belukar, serindit dan dendang selayang,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Penguatkuasaan Jabatan Perhilitan, Dr. Pazil Abd. Patah.

Dalam operasi pertama, sebanyak 1,825 ekor burung spesies murai kampung dan murai batu dirampas di sebuah pusat



**PAZIL (kiri) dan Muhammad (tengah) melihat burung yang dirampas pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Jabatan Perhilitan di Kuala Lumpur semalam.**

penyimpanan di Senggarang, Johor. Tiada tangkapan dibuat di lokasi tersebut.

Pihak berkuasa kemudiannya menahan dua lelaki dan merampas 90 ekor ruak-ruak, murai batu, serindit, lekir, kelicap kunyit dan ciak lilin di Setapak di sini.

“Kita juga menahan seorang lelaki dan merampas 63 ekor burung daripada 12 spesies di situ.

“Kami masih menyiasat seki-

ranya wujud sindiket yang menjadi dalang di sebalik pemburuan haram dan pemerdagangan hidupan liar ini,” katanya.

Burung-burung itu diburu untuk diseludup ke Indonesia kerana permintaan yang tinggi.

Sementara itu, Pazil berkata, haiwan itu diburu kerana ciapannya yang digilai sesetengah orang dan harganya boleh mencecah sehingga RM1,000 seekor.